

26/04/1998

PM luang masa lawat Mines

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meluangkan masa kira-kira sejam setengah di Pusat Pameran Antarabangsa Malaysia (Mines) di Sungai Besi dekat sini, semalam.

Selain menyaksikan konsep `Rumah Pintar' ciptaan syarikat British, Frazer-Nash Research Limited (Frazer-Nash) di pusat itu, Perdana Menteri juga diberi taklimat mengenai sistem pendawaian kenderaan dikenali FNBus yang dimajukan syarikat berkenaan.

Taklimat disampaikan Pengerusi Frazer-Nash, Kamil Siddiqi.

Rumah pintar itu menyediakan pelbagai ciri keselamatan, aktiviti dan akses multimedia yang menggunakan sistem pengawasan dan kawalan digital menerusi internet dan telefon bimbit.

(END)